

21 MAY 2003

PAKEJ-IBU TUNGGAL/I

IBU TUNGGAL DAPAT FAEDAH DARIPADA PAKEJ EKONOMI

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Ibu-ibu tunggal juga akan mendapat faedah daripada pakej ekonomi strategi baru kerajaan yang diumumkan hari ini di mana mereka akan diberi pertimbangan khas bagi membeli rumah.

Ini merupakan kali pertama kerajaan memberikan kemudahan sedemikian kepada mereka.

Pakej ekonomi itu termasuk program yang dikenali sebagai Harapan Rakyat Memiliki Perumahan (HARAPAN).

Bagi menggalakkan pemilikan rumah, subsidi akan diberikan kepada para pembeli dengan cara pengenaan cuma 3.0 peratus bagi tahun pertama untuk pinjaman bagi rumah berharga kurang RM100,000 atau tanpa faedah bagi pembayaran deposit 10 peratus daripada Bank Simpanan Nasional.

Bagi pinjaman daripada bank-bank lain, RM600 akan diberikan untuk pembelian rumah-rumah berharga kurang RM100,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan pakej berkenan berkata kerajaan juga akan membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad akan membina 150,000 unit yang akan diberi kepada kontraktor, iaitu satu langkah yang akan memberikan peluang perniagaan kepada mereka yang mempunyai rekod pencapaian yang baik. -- BERNAMA

TM SHY NHD